

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1991/92

Oktober/November 1991

ZGE 479/3 - Oseanografi Geologi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab MANA-MANA EMPAT soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Bincangkan maksud
 - (i) mod
 - (ii) saiz min
 - (iii) sisihan piawai
 - (iv) pencong (skewness)bagi suatu taburan saiz sedimen.

(40/100)
- (b) Bincangkan kaedah penentuan kadar pengangkutan beban ampaiian bagi suatu aliran sehala yang mengandungi beban ampaiian.

(30/100)
- (c) Jelaskan proses pegenapan susulan (settling lag) di suatu tanah pamah pasang-surut.

(30/100)
2. (a) Bincangkan perhubungan di antara saiz min sedimen, tegasan ricih dasar dan jenis-jenis bentuk dasar dengan disertai oleh satu lakaran rajah fasa bentuk dasar.

(80/100)
- (b) Bezakan ciri-ciri riak yang dibentuk oleh ombak dan arus, dan bincangkan bagaimana kedua-dua jenis riak ini terbentuk.

(20/100)

3. (a) Apabila ombak-ombak bergerak menuju ke kawasan air cetek, apakah yang terjadi pada tempoh (kala), kelajuan, tinggi dan halaju orbit maksimum bagi ombak-ombak berkenaan. (30/100)
- (b) Bincangkan bentuk atau corak profil saliniti bagi muara baji garam, bercampur separa, bercampur sempurna dan peredaran muara negatif. (70/100)
4. Bincangkan proses pembentukan lithosfera lautan berdasarkan pada konsep ruang magma. (100/100)
5. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan
- (a) Panjang kekasaran (15/100)
- (b) pembukuan (flocculation) (20/100)
- (c) antigumut (15/100)
- (d) tanah pamah pasang-surut (20/100)
- (e) "asap hitam" dan "asap putih" (20/100)
- (f) sedimen pelagos (10/100)